

IKHWANUL MUSLIMIN, BERSATULAH SEKARANG...!

Bersempena dengan menyambut Eidul lebaran, bersempena dengan masa bergemuruh takbir dimerata-rata ceruk dunia Islam yang menyeru Allahuakhbar, Allahuakhbar, Allahuakhbar Walillah ilham, Tuhan Yang Maha Besar, Tuhan Yang Maha Kuasa, Tuhan Yang Maha Mulia adalah semua pujian-pujian bagiMu, maka di dalam masa inilah juga satu yang terbuka, satu peluang yang keemasan saya mengalu-alukan tulisan tuan Al-Haj Ahmad Puad Hassan di dalam suara UMNO bilangan 8 yang menyeru supaya ulama-ulama dan ahli-ahli agama bersatu berpimpin tangan batu yang bina membina bersefahaman di antara satu dengan lain berjihad untuk agama Allah.

(Oleh Edrus)

BERKERJALAH KERANA AGAMA

Tidak ada mereka yang insaf kepada buruknya kedudukan agama kita di Tanah Melayu ini yang tidak menyedari bagaimana rendahnya taraf kedudukan kita di dalam berpecah belah dan bagaimana kita dari satu kesuatu masa telah dijadikan perkakas, dijadikan tulang untuk merubah suatu cita-cita dan kemahuan orang-orang yang bencikan agama dan menghilangkan hak-hak agama di negeri kita ini.

Saya berasa syukur bahawa Tuan Al-Haj Ahmad Puad menyeru supaya ulama-ulama dan ahli-ahli agama itu bersatu dan menuntut supaya dihapuskan perasaan pertelingkahan yang dibawa dengan bersendirian yang berbencana kepada keselamatan dan kesejahteraan kita. Tetapi seruan Tuan Al-Haj Ahmad Puad itu saya takut akan tinggal menjadi seruan jua sekiranya ia sendiri tidak mahu tampil ketengah, kehidupan umat Islam mencari ikhtiar-ikhtiar itu supaya dapat menyatukan dengan tidak terletak di bawah sesuatu dakyah yang lain.

Saya katakan suatu dakyah yang lainnya tujuan saya ialah mengkehendaki supaya ia mengeluarkan dirinya daripada

UMNO dengan menubuhkan suatu pertubuhan Islam yang terdasarkan ukhwah dan siasah mengikut undang-undang negeri ini oleh kerana, menurut pendapat saya selagi ia duduk di dalam bahtera UMNO maka percayalah, tidak satu pun daripada usaha-usaha itu akan dapat sokongan daripada umat Islam yang beratus-ratus ribu banyaknya. Menurut pendapat saya ; yang sekarang menghadapi adanya sebuah pertubuhan Islam yang berdasar ukhwah, siasah dan ikhlas yang tidak bakal dijadikan perkakas-perkakas oleh anasir-anasir yang mencari gantungan atau menjadi musuh di dalam selimut untuk meruntuhkan ahlak dan budi pekerti orang-orang Islam di negeri ini.

Sebab-sebabnya saya katakan begitu yakni sebab-sebabnya saya berharap supaya Tuan Al-Haj Ahmad Puad ke tengah, dengan tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir tadi untuk memimpin umat Islam yang sedang mencari-cari seseorang pemimpin Islam untuk menghimpunkan tenaga dan kesolehan mereka kepada tujuan yang ikhlas dan kerana Allah, bukan kerana menuntut pangkat atau martabat pada sisi kerajaan itu ialah kerana saya memandang umat Islam sekarang nampaknya tidak mempunyai kepercayaan lagi kepada UMNO. Sebagaimana saya pernah menuliskannya dengan sebab mereka itu adalah dijadikan perkakas semata-mata kepada cita-cita yang tersembunyi buktinya:

24 Januari 1946 ketua UMNO Datuk Onn, yang sekarang menjadi Menteri Dalam bagi persekutuan Tanah Melayu telah berkata : “ dikecualikan Kuala Lumpur pada faham saya Melakalah tempatnya yang munasabah kerana hendak mengambil sempena kebesaran Melaka dahulu. Mudah-mudahan akan menjelma semula sebuah kerajaan Melayu yang lebih besar daripada segala kerajaan-kerajaan Melayu yang telah lalu. “
Kemudian lama daripada masa itu ia berkata bahawa ia bersedia masuk penjara kerana membela hak Melayu.

Tetapi apa yang telah berlaku sekarang. Berbakul-bakul ayat Allah digunakan untuk menyatukan umat Melayu sampai berdiri sebuah “ kerajaan Melayu yang lebih besar daripada kerajaan Melaka dahulu “ dan sesudah UMNO berdiri maka dari setapak ke setapak dengan sendirinya tujuan yang asal itu terpesong, mengapa? Jawabnya dengan tersebut saya mengatakan lihatlah yang ada di hadapan mata kita sekarang

di mana dia ada dan di mana UMNO ada dan sebuah “ Parti Kemerdekaan Melayu “ akan ditumbangannya pula sesudah tempatnya UMNO tidak ada gunanya lagi kepadanya dan sesudah orang ramai tidak memandang lagi kepada UMNO berfaedah kepada bangsa Melayu dan agama Islam.

Pembaca-pembaca sekalian tidak guna rasanya kalau kita mengulang kejadian-kejadian yang telah lalu itu kerana dengan perbuatan-perbuatan menopengkan agama kepada suatu tujuan yang tidak ikhlas itu semata-mata akan menyakitkan hati - jadikanlah yang demikian itu suatu peringatan supaya kita tidak dua kali dijadikan perkakas sebagaimana yang telah lalu dan sebab itulah kita kaji apa yang berlaku dihadapan kita kerana yang demikian itu lebih baik.

Tuan Al-Haj Ahmad Puad sendiri saya percaya telah mengetahui bagaimana gelora umat Melayu yang kasihkan

(Sambungan pada muka 62)

SELAMAT HARI RAYA



**CHAWANGAN: 975, GEYLANG ROAD & 116, ARAB STREET
KILANG: JALAN IBRAHIM SULTAN, JOHORE BAHRU (P.O BOX 18)**

Penjual berbagai-bagai sepatu, capal dan selipar dengan potongan baharu pembahagi besar songkok-songkok,

Kain-kain batik, sarung, stokin, selendang moden dan barang-barang mas celup

Berutuslah terus dengan alamat kita di atas yang telah dikenal di mana-mana.

Telegram: "MALAYWEAR" -

Cables: "ALISON"

Phone: 85707

(sambungan muka 40)

agamanya yang bersedia pada bila-bila masa pun akan berkorban kerana agamanya itu sedang tercari-cari seorang pemimpin. Seorang yang akan menyatukan mereka di dalam suatu persatuan Islam dengan hak yang mashul di atas negerinya. Kesatuan itu tidak akan dapat diadakan dan tidak akan di dapati menurut pendapat saya, jika tidak ada seorang yang berani berkorban ketengah kepada tujuan-tujuan itu dan oleh kerana ia yang telah melalui membuat seruan-seruan supaya ulama dan orang-orang agama itu bersatu dan dengan memandang kedudukan dan pengaruhnya pada mata orang-orang Islam pada sama ada pada pihak tua atau muda maka sebenarnya saya percaya kepada ialah molek dan selayaknya membuka suatu langkah bagi menyatukan dan percayalah jika ia membuka langkah ia tidak akan keseorangan kerana ada bersedia orang-orang yang akan berkorban bersama-sama kepada cita-cita yang menuju kepada jalan Allah itu dengan syarat tidak terletak di bawah naungan UMNO kerana sebahagian besar orang Islam, menurut pendapat saya, tidak percaya lagi kepada UMNO itu sebab bukti-bukti telah nyata lain dicakap, lain dibuat bahkan dari semasa ke semasa nampaknya membawa bencana kepada umat Islam.

Saya sendiri, insya-Allah akan menyertai segala langkah itu dengan daya upaya yang ada kepada saya bukannya dengan perkataan tetapi dengan tenaga dengan syarat yang tersebut juga dan dengan sebab itulah saya berani berkata bahawa kalau ia berani ke tengah ia tidak berkeseorangan dengan syarat perdirian itu ikhlas kerana Allah, untuk Allah dan agama Allah, dan percayalah bahawa Allah akan menolong kita walau berapa banyak halangan pun, kita akan dapat kemenangan dunia dan akhirat, sebab Allah telah berjanji kepada kita yang demikian itu.

Mudah-mudahan di dalam gema takbir menyeru kebesaran Ilahi yang gagak gempita di dalam Aid AL-Mubarak ini, di dalam Eid penamat daripada menyempurnakan persamaan dan ukhwah di dalam Islam iaitu berpuasa dan berzakat terbukalah hendaknya hati mereka yang berdaya upaya maju ke tengah memimpin

umat yang keadaannya sekarang sebagaimana anak ayam yang tidak beribu bertempiran ke sana sini dijadikan perkakas oleh anasir-anasir yang bercita-cita meruntuhkan Islam itu. Mudah-mudahan dengan Eid al-Mubarak ini dapat kita melihat sinarnya yang baharu di ufuk, satu cahaya baharu kepada cita-cita yang membawa kebahagiaan kepada kita orang-orang Islam. Ya Allah – berilah olehMu petunjuk supaya ada seorang yang akan redha berkorban ke tengah menyelamatkan hamba-hambaMu yang pada masa ini, dan dalam saat ini dipengaruhi oleh berbagai-bagai anasir yang membinasakan iman, membinasakan keyakinan mereka yang mengesakan Engkau. Membinasakan kepercayaan mereka kepada ajaran-ajaran yang disampaikan oleh Rasul Engkau yang membawa dan menyeru supaya umatnya ini menjadi khalifah di bumi Allah ini. Insafilah wahai ulama-ulama yang dipandang sebagai waris anbiya, yang dipandang sebagai sinaran umat membawa kebahagiaan yang disampaikan oleh Rasul yang mulia. *Allahuakhbar Allahuakhbar Walillah al-Hamd.*

Qalam Bilangan 13



Tempahlah dari sekarang – gambar hadiahnya Shahrir dengan isterinya berwarna. Di dalamnya insya-Allah mengandungi gambar-gambar istimewa lawatan Liaquat Ali Khan ke Indonesia. Kandungan membawa perubahan baharu terutamanya mengulas perkara-perkara yang berlaku di sekeliling masyarakat kita.

Senaskah 60 sen – pos : 10 sen